

# BERSATU sokong Kongres Maruah Melayu

**Kuala Lumpur:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) menyokong penganjuran Kongres Maruah Melayu (KMM) yang dijadual diadakan di Stadium Malawati di Shah Alam, Ahad ini.

Setiausaha Agungnya, Datuk Marzuki Yahya ketika dihubungi semalam, berkata Tun Dr Mahathir Mohamad juga difahamkan akan turut serta pada perhimpunan itu kerana agendanya untuk membincangkan isu berkaitan kedudukan Melayu, Islam dan kebudayaan.

“BERSATU juga tidak halang ahli hadir kerana ia bukan anjuran parti politik, bukan seperti

perhimpunan ummah anjuran PAS dan UMNO kerana ia adalah kerjasama politik. Perhimpunan ini membicarakan maruah orang Melayu di negara ini,” katanya.

KMM anjuran Pusat Kecemerlangan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kongres berkenaan akan membincangkan isu pendidikan, agama, budaya, politik dan ekonomi dari perspektif orang Melayu.

Sementara itu, Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin



**BERSATU juga tidak halang ahli hadir kerana ia bukan anjuran parti politik, bukan seperti perhimpunan ummah anjuran PAS dan UMNO kerana ia adalah kerjasama politik.**

**Marzuki Yahya,  
Setiausaha Agung BERSATU**

Hassan dalam satu kenyataan, berkata Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan turut hadir pada program berkenaan.

“Parti menerima jemputan daripada penganjur dan mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat mengambil ketetapan bersetuju untuk Presiden menghadiri kongres itu. Ia tanda jiwa besar PAS bagi mengukuhkan perpaduan ummah dan nasional dalam negara ini,” katanya.

Kelmarin, UMNO mendakwa empat universiti awam (UA), iaitu UM, Universiti Teknologi MARA (UiTM), UPM dan UPSI diperalatkan BERSATU bagi menganjurkan kongres berkenaan.